

menampakkan konsistensi yang belum pernah dicapai sebelum ini.

Dalam kesimpulan ini juga penulis membentangkan sejarah ringkas Negeri Sarawak dan sejarah BINA bagi menghubungkan di antara realiti yang berlaku pada umat Islam ketika itu dengan gerakan tokoh ini dan menampakkan rasional yang tinggi kenapa tokoh ini melakukan seruan kepada kebenaran Islam di Sarawak.

BAB IV

PEMERINTAHAN ABDUL RAHMAN YA'KUB

DALAM POLITIK DI SARAWAK

Sesebuah kerajaan atau negara memerlukan seorang pemimpin untuk memegang tampuk pemerintahan, tidak kira sama ada kerajaan itu menjalankan sistem kerajaan ataupun tidak. Walau apapun sistem kerajaan dan politik negara yang diamalkan, sama ada demokrasi, sosialisme, komunisme, sistem tentera atau sebagainya adalah berkehendakkan kepada seorang ketua negara.⁸⁹

Dalam bab ini penulis akan mengemukakan satu bahasan umum tentang model pemerintahan yang ideal.

Pembahasan dalam bab keempat ini bukanlah semata-mata untuk mengukur sejauh manakah pencapaian pemerintahan Tun Abdul Rahman Ya'kub dan seterusnya memberikan pemarkahan terhadap kepemimpinannya menjurus

⁸⁹ K. Ramanathan Kalimuthu (1987), *Asas Sains Politik*, Petaling Jaya : Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 51

kepada pengamalan pemerintahan Islam secara toal. Namun, pada dasarnya, penilaian umum yang dibincangkan ialah sebagai mukaddimah kepada suatu penilaian tentang unsur-unsur asas model pemerintahan Islam yang difikirkan sesuai dilaksanakan dalam konteks sesebuah negara yang meliputi pelbagai kaum, agama dan adat budaya yang berbeda (masyarakat majmuk). Unsur-unsur model asas pemerintahan Islam akan dinyatakan, diikuti dengan perbincangan ringkas dan analisis umum daripada hubungan di antara pelbagai insur.

Kemudian suatu perbandingan di antara model ini dengan beberapa elemen asas yang wujud semasa pemerintahan tokoh ini akan dibuat. Natijah pembahasan bab ini akan membawa kepada satu kesimpulan bahwa pengenalpastian aspek-aspek perspektif Islam yang unik, diikuti dengan perbincangan tentang kaedah-kaedah yang model murni pemerintahan Islam yang dikemukakan akan dapat dilaksanakan secara menyeluruh.

A. Pembangunan Menurut Islam Semasa Kepimpinan Datuk Patinggi Tun Abdul Rahman Ya'kub

Adalah dirasakan perlu untuk merancang strategi pembangunan dan modenisasi sesebuah masyarakat, yaitu keperluan kepada pemahaman yang jelas dan nyata tentang unsur asas yang penting dalam proses pemerintahan

Dalam hal ini manusia merupakan pusat aktiviti untuk menjayakan pembangunan yang telah digariskan. Ini adalah selaras dengan tujuan utama

dijadikan manusia sebagai hamba dan wakil khalifah Allah di muka bumi ini.

Mengikut Muhammad Abduh,⁹⁰ tujuan pembangunan dalam masyarakat Islam adalah bercorak keagamaan dan pendidikan sekular untuk semua anggota masyarakat; pembangunan industry, seni dan social, kesejahteraan ekonomi untuk semua, kebebasan berpolitik, masyarakat yang bersatu padu dan hubungan persaudaraan antarabangsa. Dengan erti kata lain, pembangunan sebagai suatu pemahaman terhadap roh Islam yang sejati tentang kebenaran prinsip seperti mana yang telah dilaksanakan pada zaman Nabi dan Khalifah ar-Rasyidin.⁹¹

Oleh itu, perspektif Islam telah meletakkan pembangunan sesebuah pemerintahan sebagai prasyarat untuk meletakkan seseorang pemerintah itu sebagai penggerak utama sebagai melaksanakan kewajipan pembangunan. Dengan itu, pandangan Islam tentang tabi'I pemimpin; yaitu fungsi utama pemimpin, tanggungjawab dan kebertanggungjawabnya, sifat politik serta kelakuan social setiap pemerintahan akan dilihat semasa kepimpinan tokoh ini yang telah mempengaruhi beberapa kejayaan besar yang telah dicapai olehnya.

1. Perkembangan Dakwah Islamiyah

Umumnya, perkembangan dakwah Islamiyah di Sarawak giat

⁹⁰ Baaklini, Abdo I. Dan Khoury, Nabeel A. (1979), 'Muhammad Abduh: An Ideology of Development', *The Muslim World*, LXIX (1) (Januari), 44

⁹¹ Muhammad Al-Buraey (1992), *Pembangunan Pentadbiran Menurut Perspektif Islam*, D.B.P., K.L., 215-233

dilaksanakan semasa kepimpinan tokoh ini. Terdapat beberapa factor yang menyebabkan perkembangan dakwah kian meluas. Antaranya ialah latar belakang dan didikan tokoh ini daripada keluarganya mengenai asas-asas agama Islam yang telah menimbulkan kesedaran dakwah pada diri tokoh ini.⁹² Di samping itu, keterlibatan dalam kegiatan dakwah, ibadat dan kerohanian telah menyebabkan beliau dikenali sebagai pemimpin masyarakat sekaligus sebagai seorang pendakwah.

Sebagai Presiden BINA, beliau telah berperanan dalam menggerakkan aktiviti dakwah kepada seluruh masyarakat tempatan. Ini adalah selaras dengan peruntukan pelebagaan BINA yang menekankan pengamalan nilai-nilai murni Islam dalam amalan harian dan juga berperanan menyebarkan ajaran-ajaran agama Islam kepada masyarakat sekeliling.⁹³

Menurut perspektif islam, tanggungjawab pemerintah Islam dalam menyebarkan perkembangan dakwah serta pendidikan ajaran-ajaran Islam adalah merupakan tujuan utama sesebuah pemerintahan.⁹⁴

Keadaan ini jelas pada zaman kepimpinan Raasulullah saw dan Khalifah ar-Rasyidin. Sebagai contohnya, Rasulullah saw sendiri menghimpunkan dalam peribadi Baginda ciri-ciri seorang pembaharu

⁹² Jawatankuasa Penyelidikan Sejarah Penerbitan dan Penerangan Perayaan 10 Tahun Angkatan Nahdatul Islam Bersatu (B.I.N.A), *Sepuluh Tahun BINA 1969-1979.*, 27

⁹³ *Ibid.*

⁹⁴ Mohd Yassin Mazhar (1993), *Organisasi Kerajaan Pimpinan Rasulullah*, Terjemahan oleh Khalil Mohd Zain dan Mohd Yunus Mohd Said, Dewan Bahasa dan Pustaka., Kuala Lumpur., 353-371

agama dan kuasa seorang pemimpin politik. Dorongan tersebut berlaku kerana pada hakikatnya, agama Islam tidak pernah memisahkan soal agama dan negara seperti yang diamalkan oleh kebanyakan sistem politik moden. Malah, Islam seperti yang dimaklumi, merangkumi semua aspek kehidupan insani, samada politik, sosial, ekonomi mahupun adat budaya.⁹⁵

Dalam konteks pembangunan dakwah, seharusnya para pemerintah Islam mendasari tujuan yang telah digariskan oleh Rasulullah saw; yaitu menyampaikan ajaran Islam kepada kesejagatan manusia. meskipun sibuk dengan pembinaan sebuah negara dan mengatur strategi ketenteraan menentang musuh-musuh Islam, Baginda tetap memenuhi tugas sebagai utusan Allah dan tidak pernah gagal menyebarkan Islam kepada sesiapa sahaja yang baginda temui. Bukan setakat itu sahaja, malah baginda akan mengutus rombongan para pendakwah untuk menerangkan Islam apabila diperlukan. Lebih jauh daripada itu, baginda tidak pernah melupakan untuk menegaskan kepada pengikut-pengikut Baginda amnya, pegawai-pegawai dan kakitangan baginda khasnya, bahwa agama Islam adalah yang terpenting.⁹⁶

Sebagai contohnya, arahan tersebut jelas dilihat dalam kandungan surat Baginda kepada para pegawai seperti Mu'az bin Jabal, 'Amr bin

⁹⁵ *Ibid.*

⁹⁶ *Ibid.*

Hazm, Ali bin Abi Talib, Khalid bin Walid dan beberapa orang lagi. Dengan jelas mereka diingatkan bahwa perlantikan mereka bukan untuk memerintah rakyat tetapi untuk mengajak kepada Islam dan mengabdikan diri kepada Allah menerusi politik pemerintahan.⁹⁷

Ringkasnya, berdasarkan contoh diatas setiap pemerintah, pentadbir dan kakitangan politik sebenarnya pendakwah; dan perkara ini dibuktikan oleh hakikat bahwa kebanyakan penduduk Semenanjung Arab di pelbagai tempat, jauh dan dekat, memeluk Islam berkaitan seruan pendakwah yang merangkap sebagai pegawai kerajaan.⁹⁸ Oleh yang demikian, pelaksanaan dakwah semasa pemerintahan tokoh ini merupakan satu tindakan yang menepati perspektif pemerintahan Islam. Malah menjadi satu kewajipan bagi setiap pemerintah Islam untuk mempertingkatkan kefahaman Islam kepada wargarakyatnya.

Secara praktikalnya, perkembangan dakwah semasa zaman Rasulullah saw dan para Khalifah ar-Rasyidin adalah menggunakan semua cara yang mungkin. Antara cara-cara tersebut ialah seperti pengutusan rombongan para pendakwah ke beberapa tempat seandainya diperlukan; melalui para pentadbir pusat dan gabenor yang dilantik untuk berdakwah menerangkan mengenai rukun dan ajaran Islam kepada masyarakat yang dipimpin; para pendidik (Muqri dan Mu'allim) juga

⁹⁷ *Ibid.*

⁹⁸ *Ibid.*

dilantik untuk memberi gagasan dan latihan agama Islam yang kuat kepada masyarakat terutamanya bagi setiap saudara baru, karena ini adalah asas yang kukuh kepada struktur negara Islam; pelantikan Mufti⁹⁹, Imam¹⁰⁰ dan Muazzin (penyeru untuk menunaikan sembahyang)¹⁰¹ juga telah berperanan dalam perkembangan dakwah pada zaman Rasulullah saw dan Khalifah ar-Rasyidin.

Umumnya, walaupun perkembangan dakwah ketika pemerintahan tokoh ini tidaklah menandingi kemajuan penyebaran dakwah semasa zaman Rasulullah saw dan khalifah ar-Rasyidin, namun usaha-usaha dakwah yang telah dijalankan di kalangan masyarakat tempatan amat bertepatan dengan kewajipan seseorang pemerintah menurut perspektif Islam.

2. Pembangunan Politik

Terdapat beberapa isu utama tentang politik yang perlu dihadapi semasa pemerintahan tokoh ini. Antara isu-isu tersebut ialah persaingan atau percaturan parti-parti politik yang mewakili pelbagai kaum untuk mendapatkan kuasa politik.¹⁰² Keadaan ini memberi kesan kepada penyatuan politik perpaduan dan pengagihan pembangunan semula

⁹⁹ *Ibid.*

¹⁰⁰ *Ibid.*

¹⁰¹ *Ibid.*

¹⁰² Datuk Haji Nor Tahir (Ogos 1980), *Abdul Rahman Lincah dan Tegas*, Penerbit Norwan Bhd., 7

ekonomi kepada rakyat Sarawak.

Situasi politik yang digambarkan di atas amat memerlukan kewibawaan serta ideologi yang jelas daripada parti pemerintah. Menyedari hakikat tersebut, kepimpinan politik tokoh ini bersama kabinet kerajaan campurannya telah melancarkan reformasi politik dengan pelbagai kaedah yang difikirkan boleh diterima oleh keseluruhan masyarakat majmuk Sarawak. Antara kaedah-kaedah tersebut ialah memantapkan pemerintahan politik dengan gagasan falsafah perjuangan Nasional yang dapat diterima oleh seluruh parti-parti yang memerintah.

Di samping itu, perimbangan pembangunan serta komunikasi harmoni antara kaum amat diutamakan. Dengan itu, segala percaturan politik dapat diatasi. Manakala isu perpaduan kaum pula dapat dipertingkatkan. Hal ini jelas dengan terbentuknya pemerintahan kerajaan campuran yang merangkumi gabungan idealism, kehendak dan wawasan pembangunan semua kaum.

Menurut perspektif Islam, secara ringkasnya pembangunan pemerintahan politik adalah untuk mencapai keunggulan negara Islam yang sejati. Oleh itu, menurut Maududi, pemerintahan negara Islam adalah bersifat universal dan merangkumi semua aspek pembangunan. Ruang lingkup kegiatannya meliputi seluruh kehidupan manusia.

Oleh itu, jelaslah kepada kita bahwa malthamat yang perlu

dilaksanakan adalah mendirikan negara Islam dan bukannya negara muslim. Keunggulan negara muslim jelas mampu untuk dilaksanakan karena ia merupakan gabungan kejujuran, keyakinan dan kewarganegaraan yang luhur.¹⁰³

Secara praktiknya, untuk melaksanakan pembangunan politik dalam sesebuah pemerintahan, para pemimpin Islam perlulah mengamalkan landasan umum pemerintahan yang telah dianjurkan oleh Islam. Anjuran ini begitu penting untuk diikuti, terutamanya dalam konteks pembangunan politik yang merangkumi masyarakat majmuk. Landasan umum yang dimaksudkan ialah sepertimana firman Allah swt yang berikut:¹⁰⁴

Maksudnya;

“Dan teguhlah mereka yang berpegang kepada tali Allah dan jangan berpecah-belah di antara kamu. Dan ingatlah nikmat Allah kepadamu ketika kamu saling bermusuhan lalu ia jinakkan hati-hatimu, sehingga dengan kurniaNya menjadi bersaudara. Ketika kamu berada di tepi neraka, Allah selamatkan kamu daripadanya. Demikianlah Allah menerangkan kepada kamu ayat-ayatNya supaya kamu beroleh petunjuk. Dan hendaklah ada diantara kamu umat yang menyeru untuk berbuat kebaikan dan menyuruh manusia melaksanakan kebenaran dan melarang yang

¹⁰³ Maududi (1969), *The Nature and Contents of Islamic Constitution*, Khurshid Ahmad (ed.), Karachi: Pakistan Herald Press., 44

¹⁰⁴ Al-Quran, Surah Al-Imran, Ayat 103-104

mungkar. Merekalah yang akan mencapai kejayaan”

Ayat-ayat al-Quran diatas telah menerangkan dengan jelas tentang tujuan pemerintahan negara Islam; pembangunan politik yang menegakkan keadilan dan persamaan untuk kebenaran yang menentang kemungkar. Dengan landasan umum ini, akan terbentuklah sebuah masyarakat yang bekerja untuk menghasil dan menjaga peraturan sosial sehingga lebih ramai umat manusia hidup dan berakhlak mulia dan sihat berdasarkan hukum Allah, yaitu agama Islam.¹⁰⁵

3. Pembangunan Sosioekonomi

Menurut perspektif Islam, tujuan dan motif pembangunan sosioekonomi merangkumi tujuan utama yang perlu dicapai.¹⁰⁶ Pertama; pembangunan itu seharusnya membawa kepada kehidupan yang mulia samada dari segi material ataupun kerohanian untuk semua anggota masyarakat. Namun demikian, aspek material tidak seharusnya mempengaruhi sifat kerohanian dan begitulah sebaliknya. Keseimbangan di antara kesua-duanya haruslah dicapai. Kedua; pembangunan sosioekonomi seharusnya kearah mencapai keadilan dan pengurangan (sekalipun tidak dapat dihapuskan) jurang perbezaan diantara rakyat yang kaya raya dengan masyarakat miskin.

¹⁰⁵ Hasa Ibnu Rifi (1993), *Siasah Syar'iyah* ; Satu Mukaddimah, Pustaka Darussalam., 68

¹⁰⁶ Muhammad Al-Buraey (1992), *Pembangunan Pentadbiran Menurut Perspektif Islam*, D.B.P., K.L ., 158

Ringkasnya, pembangunan sosioekonomi adalah bertujuan untuk menubuhkan masyarakat yang saling menyayangi di antara satu sama lain. Yaitu dengan memaksimumkan perkongsian hasil pembangunan dan pengeluaran serta menjamin keperluan hidup untuk semua warganegara, tanpa mengira agama dan warna kulit.¹⁰⁷ Di dalam al-Quran, terdapat banyak prinsip dan peraturan tentang aspek-aspek pembangunan sosioekonomi yang sihat. Anjuran prinsip-prinsip dan peraturan-peraturan tersebut seharusnya dijadikan sumber asas kepada pelaksanaan pembangunan negara bagi setiap pemimpin Islam.

Melihat pembangunan sosioekonomi yang telah dicapai semasa pemerintahan tokoh ini, terdapat beberapa aspek persamaan dengan anjuran pembangunan sosioekonomi menurut perspektif Islam. Ianya dapatlah disimpulkan sebagai suatu tanggungjawab pihak pemerintahan (Kerajaan Campuran Sarawak) untuk menegakkan keadilan sosial dan menjaga keseimbangan ekonomi di kalangan semua anggota masyarakat.

Disamping itu pihak pemerintahan juga seharusnya menghargai pemilikan persendirian yang relative antara individu dan kumpulan, memberi kebebasan ekonomi yang tidak mutlak yang dibatasi oleh larangan terhadap pemerasan, monopoli dan segala unsur-unsur penipuan. Dengan itu, kemuncak persamaan pembangunan sosioekonomi adalah untuk mencapai keseimbangan rancangan dan objektif pembangunan

¹⁰⁷ *Ibid.*, 156-157

ekonomi yang lengkap, serta membimbing dan memperuntukkan perbelanjaan supaya tidak membazir dan bersikap boros.¹⁰⁸

Dengan persamaan beberapa landasan umum yang telah dijelaskan diatas, sekalipun tokoh ini memerintah didalam sebuah negeri yang mempunyai kepelbagaian golongan etnik, kepercayaan, adat budaya dan sistem hidup, namun beliau dapat membentuk satu kerjasama erat pada semua wargarakyatnya. Yaitu melalui gabungan parti-parti yang terdapat di Sarawak yang dikenali sebagai “Kerajaan Campuran Barisan Nasional Sarawak”.¹⁰⁹

4. Pembangunan Pentadbiran

Berdasarkan manifesto Kerajaan Campuran pimpinan tokoh ini, pembangunan pentadbiran adalah merupakan perkara yang amat penting sekali. Penekanan tersebut adalah karena, sesuatu kejayaan pembangunan sesebuah negeri adalah terletak pada pentadbirannya yang cekap dan memuaskan.

Oleh yang demikian, kerjasama erat begitu ditekankan semasa pemerintahan tokoh ini kepada semua warga rakyatnya. Samada pihak pentadbir, pimpinan politik, para petani dan nelayan, mereka mempunyai peranan masing-masing dalam menjayakan kelancaran pembangunan

¹⁰⁸ *Ibid.*, 148

¹⁰⁹ Datuk Haji Nor Tahir (Ogos 1980), *Abdul Rahman Lincah dan Tegas*, Penerbit Norwan Bhd ., 7

pentadbiran negeri Sarawak.

Namun demikian, dalam konteks masyarakat majmuk di Sarawak, pemerintahan tokoh ini telah melebarluaskan skop pentadbirannya untuk menjamin kebajikan yang seimbang kepada warganegerinyatanpa mengambil kira perbezaan kaum. Oleh yang demikian, pelbagai masalah telah timbul dan perlu dihadapi semasa kepimpinan beliau. Untuk melihat penyelesaian pembangunan pentadbiran dalam konteks masyarakat majmuk, Islam telah menggariskan beberapa prinsip landasan umum demi kesejahteraan dan keseimbangan serta keadilan dalam sesebuah pemerintahan. Oleh itu, Islam telah menawarkan beberapa model dinamik pentadbiran yang sesuai dilaksanakan setiap masa dalam bentuk apapun juga jenis pemerintahan.

Menurut Islam, bukan sahaja kerajaan, malah pentadbirannya juga harus diselitkan dengan unsur agama, nilai dan etika. Oleh itu, pengasingan antara politik dengan etika, diplomasi praktis tidak bertuhan serta pentadbiran yang tidak adil, tidak akan mendapat tempat dalam Islam.¹¹⁰

Dengan melaksanakan prinsip-prinsip umum yang dianjurkan oleh Islam, sekalipun pemerintahan tokoh ini merangkumi pelbagai kaum dan kepercayaan agama, namun ianya telah berhasil mewujudkan satu kerjasama pentadbiran di kalangan wargarakyatnya. Keadaan ini terbukti

¹¹⁰ Muhammad Al-Buraey (1992), *Pembangunan Pentadbiran Menurut Perspektif Islam*, D.B.P., K.L., 211

jelas semasa kepimpinan beliau di mana komunikasi diantara para pegawai muslim sentiasa didedahkan dengan nilai-nilai murni agama. Manakala bagi para pegawai bukan Islam pula, mereka diorientasikan dengan nilai-nilai kemanusiaan sejagat. Dengan demikian, proses pembangunan negeri Sarawak sentiasa berkembang pesat bukan sahaja dari aspek material tetapi juga menitik beratkan pembangunan kemanusiaan.

5. Pembangunan Budaya Nasional

Umumnya, pembangunan budaya Nasional semasa pemerintahan tokoh ini di Sarawak patut menuju ke era perpaduan dan keutuhan nasional warganegerinya tanpa mengambil kira persoalan kaum, budaya dan kepercayaan agama, rakyat Sarawak telah diseur supaya berusaha bagi memastikan keamanan, muhibbah, keharmonian dan kemajuan di Sarawak sesuai dengan cita-cita untuk menjadikannya negeri contoh.

Menyedari hakikat bahwa perpaduan dan keutuhan budaya bangsa adalah satu proses yang tidak berkesudahan, pimpinan tokoh ini telah meneroka segala jalan terbuka untuk memperkukuhkan pembangunan seimbang untuk semua bangsa di Sarawak. Dengan terbentuknya Kerajaan Campuran Barinsan Nasional, proses untuk kombinasi kepelbagaian golongan etnik, agama dan adat budaya dapat diselaraskan

secara harmoni.¹¹¹

Walau bagaimanapun, menurut perspektif Islam, terdapat beberapa landasan umum dalam konteks melihat pemerintahan yang merangkumi pelbagai golongan bangsa. Antaranya, sepertimana firman Allah:¹¹²

Maksudnya;

“Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah mencipta kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu disisi Allah ialah orang yang lebih ketakwaannya diantara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam pengetahuannya”

Berdasarkan firman Allah swt diatas, umat manusia tidak diceraikan dengan perbezaan jantina, keturunan, warna kulit, bahasa atau kebudayaan yang dianuti dan diresami. Namun demikian, pemerintahan Islam tetap mempunyai landasan prinsip khas menangani persoalan warganegaranya, samada muslim ataupun bukan. Dalam konteks pemerintahan masyarakat majmuk, seseorang pemerintah muslim itu haruslah menjadikan prinsip diatas sebagai nilai-nilai pemerintahannya untuk mengatasi beberapa masalah pembangunan budaya nasional

¹¹¹ Datuk Haji Nor Tahir (Ogos 1980), *Abdul Rahman Lincah dan Tegas*, Penerbit Norwan Bhd .,

¹¹² Al-Quran, Surah Al-Hujurat, Ayat 13

rakyatnya.

Kesimpulannya, untuk melaksanakan pemerintahan menurut Islam bukanlah satu kerja yang mudah. Keadaan ini akan bertambah rumit sekiranya pemerintahan tersebut merangkumi pelbagai kaum dan adat kepercayaan, seperti negeri Sarawak. Oleh yang demikian, dalam proses mewujudkan 'Kerajaan Campuran' dan melaksanakan pemerintahan yang adil, apa yang tidak dapat dicapai secara menyeluruh, tidak seharusnya ditinggalkan kesemuanya bagi seseorang pemerintah yang beragama Islam. Dengan erti kata lainnya, sekiranya seorang pemimpin itu tidak mampu untuk melaksanakan pemerintahan Islam, adalah tidak wajar baginya untuk meninggalkan keseluruhannya.

B. Peran Tun Abdul Rahman Ya'kub Dalam Karier Politik di Sarawak

Setelah satu dekad berada di mercu kepimpinan Bumi Kenyalang, tokoh ini beberapa kali menyatakan hasratnya untuk menyerahkan teraju kepimpinannya kepada seseorang yang boleh menyambung kepimpinan, tetapi ternyata rakyat masih tidak membenarkan beliau berundur dari pimpinan Sarawak.

Pimpinan politik Sarawak perlu mendapat penerimaan semua kaum dan selama 10 tahun Tun Abdul Rahman telah memberikan keyakinan kepada semua rakyat akan mutu, kejujuran pimpinannya tanpa wujud sebarang

diskriminasi antara kaum.

Tun Abdul Rahman walaupun seorang pemimpin beragama Islam di sebuah negeri yang bukan majoritas penganut Islam dapat diterima oleh rakyat Sarawak kerana sikap politiknya, perwatakannya yang warak dan rendah diri tetapi tegas, berani mempertahankan kejujuran serta kebenaran.

Tun Abdul Rahman tidak takut untuk menyatakan apa yang terbuku di hatinya kerana beliau tahu apa yang diluarkannya adalah rasa ikhlas yang dimilikinya.

Kedudukan kaum dan agama adalah sensitive sepanjang mengenai Malaysia tetapi oleh kerana rakyat Semenanjung majoritas rakyat beragama Islam, usaha-usaha untuk menegakkan syiar Islam tidak begitu dipersoalkan, walaupun rakyat bukan Bumiputera bertindak mengembangkan agama masing-masing sepanjang yang dibenarkan oleh perlembagaan.

Tetapi keadaan di Sarawak, keadaan lebih sulit dan rumit kerana agama Kristien mendapat tempat pada bawah pemerintahan Raja James Brooke.¹¹³ Kegiatan agama Islam yang dijalankan sentiasa dicemburui, tetapi tokoh ini juga Presiden BINA tidak berganjak dari mendidik rakyat Sarawak kepada unsur-unsur rohaniah bagi mendisiplinkan rakyat negeri itu. Perlu diingat bahwa rakyat Sarawak masih ramai yang masih tidak beragama dan percaya kepada faham animisme seperti rumah-rumah panjang Iban.

Berasaskan kepada kebebasan beragama tokoh ini di samping memberikan

¹¹³ Suhaimi Mokhtar, *Putera Kenyalang Satu Dekad Penuh Cabaran*, 109

pimpinan politik yang susah ditandingi oleh mana-mana tokoh, juga menjalankan kegiatan dakwah untuk kesentosaan rakyat Sarawak tanpa menyekat kebebasan agama-agam lain.

Khidmatnya yang cemerlang dalam semua bidang meliputi soal-soal agama, seni silat, sukan dan kerja-kerja amal kebajikan disamping pimpinan politik yang dibuktikannya, menjadikan tokoh ini pemimpin yang berkarisma yang disayangi dan dicintai oleh rakyat terutama kalangan bumiputera walau apapun suku kaum mereka.¹¹⁴

Tokoh ini telah mempamerkan diri bukan sahaja sebagai seorang Islam yang warak dan menghayati Islam tetapi juga pemimpin rakyat Sarawak sejati yang memahami denyut nadi rakyatnya, walau apa pun keturunan mereka.

Beliau dengan kebolehannya berbicara dalam banyak Bahasa termasuk Iban dan Tionghua telah mempesonakan para pendengar dalam pidato-pidatonya. Keupayaan ini merupakan satu keistimewaan untuk membolehkannya mendapat tempat dikalangan penduduk rumah panjang.¹¹⁵

Tokoh ini sentiasa mengambil berat terhadap masalah yang dihadapi oleh rakyatnya. Beliau akan segera memberi bantuan kepada rakyat yang ditimpa kemalangan, baik di Sarawak dan juga semenanjung, tetapi sering menyembunyikan bantuannya dari pengetahuan umum. Beliau lebih suka

¹¹⁴ *Ibid.*, 110

¹¹⁵ *Ibid.*, 110

bantuan itu diberikan tanpa sebarang publisiti.

Semasa menjadi Menteri Kerajaan Pusat, tokoh ini pernah dihantar oleh Tunku ke negara-negara Islam di Timur Tengah kerana menjalin hubungan dengan mereka disamping mengeratkan lagi hubungan kearah perpaduan Islam yang akhirnya tertubuh Sekretariat Islam yang diinisiatifkan oleh Tunku berpusat di Jeddah. Beliaulah orang yang sentiasa menjadi duta khas Malaysia ke negara-negara Islam kerana kewibawaannya yang mendapat tempat di kalangan pemimpin Arab dan negara Islam.¹¹⁶

Kesempatan dari lawatan-lawatan itu telah menjalinkan hubungan rapat dan peribadi antara beliau dengan ramai pemuka-pemuka Islam baik mereka Al-Malik, Presiden atau Perdana Menteri.

Hasil lawatan beliau ke beberapa buah negara Islam telah berjaya berlangsungnya beberapa persidangan Islam di Kuala Lumpur dan memperkenalkan negara ini kepada Dunia Islam. Malaysia secara langsung pula mulai menghampiri negara-negara Islam dalam melaksanakan matlamat dasar luarnya.

Hubungan yang erat yang terjalin tidak terhenti setakat beliau berada di pusat semata kerana semasa kembali ke Sarawak mengetuai Kerajaan Negeri, Tun Abdul Razak sering memasukkan tokoh ini dalam senarai Perwakilan Malaysia melawat keluar negeri seperti negara-negara teluk dan Arab Saudi.

Hasil hubungan itu tokoh ini telah menjadi salah seorang Ahli

¹¹⁶ *Ibid.*, 112

Jawatankuasa Rabitah Al-Alam Islami, Pertubuan Islam Sedunia yang terbesar. Keanggotaan beliau sebagai ahli jawatankuasa merupakan pengiktirafan dunia Islam kepada kewibawaannya sebagai salah seorang pemimpin Islam yang dihormati.

Imejnya tidak setakat di bumi yang dipimpinnya bahkan menjangkau imej pemimpin nasional Malaysia serta seorang yang mendapat tempat dikalangan antarabangsa. Cita-citanya yang hendak disumbangkan jika bersara dari politik ialah untuk menjadi seorang pendakwah untuk mengembangkan agama Islam.

Tokoh ini bagi rakyat Sarawak satu dan sebahagian darinya dan kerana itu beberapa kali pemimpin Sarawak itu sering membatalkan niatnya untuk bersara. Bukan tidak ada pemimpin yang dibentuknya untuk mewarisi kepemimpinannya, tetapi tentu tidak sama dengan stail pimpinan yang diberikannya.

Tunku Abdul Rahman yang dianggap oleh tokoh ini sebagai ‘gurunya’ mensifatkan tokoh ini sebagai anak watan Sarawak yang bersemangat merdeka, patriotic, mempunyai pandangan yang luas dan jauh. Tunku menyebut kejayaan siding negara-negara Islam sebagai contoh keupayaan tokoh ini memimpin rombongan Malaysia mendapatkan restu dari negara-negara Islam yang lain bagi menghadiri siding negara-negara Islam di Kuala Lumpur.